

**Pinda akta turun had umur pengantar p-hailing, isu hak milik kereta**

Mohamed Farid Noh - Jun 19, 2022 @ 12:27pm  
[farid\\_noh@bh.com.my](mailto:farid_noh@bh.com.my)

JOHOR BAHRU: Penurunan had umur penunggang khidmat p-hailing dan mewajibkan pemandu bas persiaran mempunyai lesen vokasional adalah antara cadangan pindaan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) yang akan dibentangkan Kementerian Pengangkutan (MoT) di Parlimen.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata pindaan lain adalah memasukkan hak milik sementara bagi membolehkan pengusaha perniagaan kenderaan terpakai (UCD) memiliki pemilikan kenderaan buat sementara sambil mencari pembeli baharu, sekali gus memastikan hak pengguna dilindungi.

Pindaan keempat pula, katanya, akan membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menggunakan peralatan atau sistem 'High Speed-Weigh In Motion' (HS-WIM) untuk merekod berat kenderaan dengan lebih cekap dan tepat serta penguatkuasaan secara automatik tanpa kehadiran pegawai di lokasi.

"Keputusan kerajaan turunkan had umur penunggang motosikal membawa barang, termasuk kenderaan p-hailing daripada 21 kepada 18 tahun dibuat hasil kajian dan penelitian dilakukan. Ia bagi membolehkan golongan remaja dalam lingkungan usia itu terbabit sama dalam ekonomi gig negara," katanya.

Bercakap demikian pada sidang media selepas pelepasan perkhidmatan Tren Shuttle Tebrau di JB Sentral, di sini hari ini, Ka Siong berkata, perkembangan meluas ekonomi gig di negara ini menyebabkan permintaan pekerjaan sektor berkenaan berkembang pantas.

Sehubungan itu, katanya, Bahagian Darat MoT dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) menjalankan kajian mengenainya.

"Kementerian sudah buat kajian, tinjauan dan pemerhatian, melihat trend ekonomi gig terutama p-hailing yang menerima permintaan daripada remaja lepasan sekolah, namun berikutan sekatan had usia, mereka tidak dapat merebut peluang pekerjaan sektor itu.

"Kementerian dapati ramai remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berusia 18 tahun berhajat sangat nak jadi penunggang p-hailing, namun disebabkan sekatan umur lesen vokasional hanya boleh dimohon mereka berusia 21 tahun ke atas, golongan 18 hingga 20 tahun rasa dipinggirkan.

"Sesuai dengan peredaran zaman dan perkembangan pantas sektor ekonomi gig termasuk di kampung-kampung, maka kerajaan berasakan sudah sampai masanya had umur p-hailing diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun," katanya.



Wee Ka Siong (kanan) dan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berbual dengan penumpang pada Majlis Flag Off Perkhidmatan Shuttle KTMB JB-Singapura selepas dua tahun dihentikan akibat COVID-19 di Stesen KTMB Johor Sentral, Johor Bahru, hari ini. - NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

Sementara itu, Ka Siong berkata, pindaan bagi mewajibkan pemandu bas persiaran mempunyai lesen vokasional pula adalah untuk diselaraskan dengan pemandu bas lain.

Bagi penggunaan HS-WIM oleh JPH, beliau menjelaskan, ia bertujuan merekod berat kenderaan dengan lebih cekap dan tepat, manakala aktiviti penguatkuasaan dilakukan secara automatik tanpa kehadiran pegawai di lokasi mengantikan sistem manual sebelum ini.

"Empat perkara itu antara pindaan dicadangkan kementerian dalam Akta 333 yang akan dibentangkan pada sesi Dewan Rakyat selepas ini," katanya.